



MAKLUMAN

JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA

PUTRAJAYA



PENGECUALIAN DUTI IMPORT DAN CUKAI JUALAN BAGI PERALATAN PERUBATAN, MAKMAL, PELINDUNGAN DIRI (*PERSONAL PROTECTIVE EQUIPMENT – PPE*) DAN BAHAN GUNA HABIS BAGI MENANGANI COVID-19 YANG DISUMBANGKAN KEPADA KEMENTERIAN KESIHATAN

Adalah dimaklumkan bahawa YB Menteri Kewangan selaras dengan peruntukan di bawah Seksyen 14(2) Akta Kastam 1967 dan Seksyen 35(3)(a) Akta Cukai Jualan 2018 bersetuju supaya **pengimportan atau pembelian tempatan** oleh mana-mana pihak bagi **tujuan sumbangan kepada Kementerian Kesihatan** diberi **pengecualian duti import dan cukai jualan ke atas peralatan yang tertakluk duti / cukai** seperti di **Lampiran A**.

Kelulusan tersebut adalah tertakluk kepada perkara seperti berikut:

- i. **Pengimport dikecualikan daripada pembayaran duti import dan cukai jualan** selaras dengan peruntukan di bawah Seksyen 14(2) Akta Kastam 1967 dan Seksyen 35(3)(a) Akta Cukai Jualan 2018;
- ii. **Pengilang yang berdaftar Cukai Jualan diberi pengecualian daripada mengenakan cukai jualan** selaras dengan peruntukan di bawah Seksyen 35(3)(a) Akta Cukai Jualan 2018. Pengecualian diberi berdasarkan Seksyen 35(4) Akta Cukai Jualan 2018;

- iii. Pengecualian duti import dan cukai jualan di atas adalah berkuatkuasa **mulai 25 Mac 2020 jam 0001** sehingga suatu tarikh yang akan dimaklumkan kelak oleh Kementerian Kewangan setelah pandemik Covid-19 diisytiharkan tamat oleh Kerajaan; dan
- iv. Pengecualian duti / cukai ini adalah tertakluk kepada penyumbang yang mengimport atau membuat pembelian tempatan barangan berduti/bercukai **mengemukakan surat pengesahan daripada Kementerian Kesihatan Malaysia** kepada pihak Jabatan Kastam Diraja Malaysia.
- v. Permohonan permit perlu dibuat kepada Kementerian / Jabatan / Agensi yang berkaitan seperti di **LAMPIRAN B**.

Bagi **barangan yang hanya tertakluk kepada duti import**, pengimport / penyumbang juga boleh menggunakan kemudahan pengecualian duti import di bawah Butiran 77, Perintah Duti Kastam (Pengecualian) 2017 bagi tujuan sumbangan barangan kepada mana-mana Jabatan Kerajaan Persekutuan / Negeri / Badan Berkanun tertakluk kepada syarat-syarat yang terdapat di dalam butiran tersebut - **LAMPIRAN C**.

Sekian, terima kasih.

JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA

TARIKH: 24 MAC 2020